

Headline	Agrobazaar Malaysia di Singapura catat permulaan baik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 May 2017	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	179,231
Page No	45	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	56 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,292
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,877



Singapura

Agrobazaar Malaysia di Singapura catat permulaan baik

Agrobazaar Malaysia di Singapura mencatat permulaan yang baik selepas meraih jualan sebanyak RM867,578 dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Ia mengekalkan momentum pada tahun lalu dengan jualan sebanyak RM2.348 juta, RM1.938 juta pada 2015 dan RM1.464 juta pada 2014, tahun ia bermula.

Setakat ini, sebanyak 277 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diberi peluang untuk mengesan unit simpanan stok (SKU) mereka di Agrobazaar Malaysia mencatat nilai gabungan sebanyak RM1.555 juta.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor, Zainal Abidin Yang Razalli berkata, Agrobazaar Malaysia bertindak sebagai pusat jualan dan promosi di Singapura bagi produk industri asas tani dari semua negeri di Malaysia.

- BERNAMA